



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

03 Zulkaedah 1443 / 03 Jun 2022

- I. Semalam, Khamis, 02 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 02 Jun 2022, sebanyak 179 dos pertama dan 1,025 dos kedua telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang masing-masing membawa jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 81.7% dan 53.2% bagi dos kedua. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin kekal sebanyak 70.9%.

2. Hari ini, Jumaat, 03 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 03 Jun 2022, sebanyak **342 kes baru** telah dilaporkan iaitu 339 kes hasil ujian ART dan 3 kes adalah hasil dari 223 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **149,679** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
 - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

- Manakala **I kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **301 kes telah disahkan sembah** yang membawa jumlah kes yang sembah kepada **147,585 kes**.
 - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,871 kes** iaitu 5 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,866 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
3. Semoga kita semua diberikan kesihatan, dipermudahkan segala urusan, dilimpahi rahmat, keberkatan dan keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua.. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 03 Zulkaedah 1443H / 03 Jun 2022